

BAB 2

KAJIAN DAN PERKEMBANGAN PASARAN BURUH MALAYSIA

DALAM TAHUN 90-an

2.1 Pengenalan

Bab ini akan memperjelaskan beberapa hasil kajian dan penulisan terdahulu tentang pengangguran, khususnya di kalangan siswazah. Aspek perbincangan meliputi corak pengangguran siswazah dan faktor-faktor mempengaruhinya. Kemudiannya bab ini akan diteruskan dengan melihat perkembangan pasaran buruh Malaysia dalam tahun 90-an dan senario pengangguran siswazah di Malaysia.

2.2 Kajian Pengangguran Siswazah

Pengangguran merupakan masalah semulajadi dalam sesebuah ekonomi yang tidak dapat dielakkan. Ia tetap berlaku walaupun negara telah mencapai tingkat guna tenaga penuh. Pelbagai definisi telah diberi bagi memperjelaskan maksud pengangguran, antaranya Parkin (1992) menganggap ia sebagai situasi di mana pekerja yang berkelayakan dan bersedia untuk bekerja pada kadar upah semasa tidak mempunyai peluang pekerjaan. Gordon (2000) pula mengkategorikan penganggur sebagai orang yang memenuhi kriteria pasaran pekerjaan, tetapi tidak berada dalam pasaran tersebut.

Berbeza pula dengan maksud yang diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa, pengangguran dilihat sebagai individu yang tidak mempunyai pekerjaan, aktif mencari pekerjaan dan bersedia untuk bekerja dalam satu tempoh masa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak, iaitu majikan dan individu tersebut. Walau apa pun definisi yang diberikan, secara nyata ia memberi konotasi yang sama, iaitu merujuk kepada keadaan

di mana seseorang yang berada dalam lingkungan umur bekerja, ingin dan layak bekerja, tetapi tidak mempunyai pekerjaan. Atau dengan bahasa yang lebih mudah, ia merupakan keadaan di mana seseorang individu tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan.

Masalah pengangguran di kalangan golongan belia, terutamanya lepasan institusi pengajian tinggi menjadi isu penting bukan sahaja di Negara Sedang Membangun (Chew, 1985; Kamal et al., 1989) malah di kebanyakan negara di dunia. Cuma yang membezakannya ialah kadar golongan ini kepada negara yang mengalaminya. Nigeria dilaporkan sebagai negara yang mempunyai kadar penganggur siswazah tertinggi di dunia⁵ yang melibatkan pengangguran sebenar dan *underemployment*. Manakala, Belgium dan Sweden adalah yang terendah, iaitu pada kadar 2.2 dan 2.1 peratus⁶.

Pengangguran di kalangan siswazah diklasifikasikan sebagai jenis pengangguran geseran kerana ia melibatkan tempoh masa dalam proses mencari dan mendapatkan pekerjaan. Pencarian kerja yang melibatkan tempoh masa yang panjang akan mempengaruhi bilangan penganggur. Fenomena pengangguran ini yang sementara dan berulang-ulang akibat daripada ketidakcekapan maklumat pasaran buruh diyakini akan dapat diatasi dengan segera apabila proses penyelarasan pasaran berlaku secara sendirinya (Isahak et al., 1978; Zulkifly, 2003).

Beberapa kajian serta penulisan yang dilakukan mendapati penganggur siswazah tertinggi adalah mereka yang berumur di bawah 25 tahun, golongan wanita serta mempunyai kelulusan dalam bidang Sains Sosial. Blaug et al. (1969) dalam kajiannya

⁵ Africa News Service. 4 Ogos 2000.

⁶ http://www.unesco.org/courier/1998_09/uk/dossier/txt21.htm, 2 Ogos 2003.

di India pada tahun 1961 mendapati dua per tiga daripada 3/4 penganggur adalah mereka yang berumur di bawah 25 tahun. Kadar pengangguran adalah lebih tinggi bagi graduan wanita berbanding lelaki. Ini kerana kebanyakan graduan wanita akan meninggalkan pasaran buruh selepas mendirikan rumah tangga. Manakala, daripada segi kelulusan pula, kadar pengangguran adalah lebih tinggi bagi mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang Sastera, Sains atau Perdagangan berbanding bidang kejuruteraan, perubatan, dan perguruan.

Lim et al. (2002) dalam kajiannya terhadap graduan lulusan Universiti Utara Malaysia tahun 2002 juga mendapati graduan yang menganggur untuk tempoh yang panjang adalah golongan wanita dan berbangsa Melayu di samping tidak mengambil kertas mata pelajaran bahasa Inggeris 1119 di peringkat SPM, kertas bahasa Inggeris di peringkat STPM, mempunyai ijazah bukan dalam bidang perakaunan dan mempunyai pencapaian PNGK yang rendah.

Sementara itu, dalam kajian untuk melihat pengangguran di kalangan graduan dan golongan profesional di Malaysia dari tahun 1976 sehingga 1978, Isahak dan Wan Abdul Kadir (1978) mendapati purata ‘masa menunggu’ adalah lebih lama bagi mereka yang mempunyai ijazah dalam bidang Sastera, Ekonomi dan Sains Sosial. Ini berbeza dengan mereka yang mempunyai kemahiran teknikal dan pengkhususan dalam bidang profesional. Graduan yang tidak mempunyai pengalaman kerja, kurang fasih berbahasa Inggeris dan golongan wanita juga merupakan antara penganggur yang mengalami proses ‘menunggu’ yang panjang dan sukar mendapat pekerjaan.

Siti Hajar & Zaini (1989) melaporkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), dianggarkan kira-kira 25 peratus daripada penganggur Malaysia

menunggu selama setahun atau lebih sebelum mendapat pekerjaan dan jangka masa ini lebih panjang bagi kaum wanita berbanding lelaki. Ini kerana kecekapan dan keperluan pekerjaan lebih mendesak bagi kaum lelaki berbanding wanita. Walau bagaimanapun, sebilangan besar penganggur siswazah adalah terdiri daripada kaum bumiputera dalam lingkungan umur 20-25 tahun.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pusat Pendidikan Negara Amerika Syarikat pada tahun 1997, Dohm & Wyatt (2002) mendapati hanya 55 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Peratusan tertinggi adalah graduan dalam bidang kesihatan manakala graduan daripada bidang Sains Sosial pula menyumbangkan peratusan terendah.

Pelbagai faktor telah diutarakan oleh pengkaji dalam melihat punca pengangguran di kalangan graduan. Glytsos (1990) dalam kajiannya di Greek melihat perkembangan dan permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi negara adalah antara salah satu faktor yang mewujudkan ketidakseimbangan antara saiz permintaan dan penawaran buruh berpendidikan. Beliau mengatakan di samping faktor permintaan dan penawaran buruh (seperti pertumbuhan ekonomi dan kelahiran bayi yang tinggi dalam tahun 1950-an dan 60-an), *overeducation* melalui dasar enrolmen terbuka serta kawalan kemasukan ke universiti yang longgar telah mewujudkan ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran ini.

Fatimah et al. (1987) juga mengaitkan kesukaran graduan Malaysia mendapat pekerjaan pada tahun 1980 dengan peningkatan permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi. Pertambahan bilangan institusi pengajian tinggi daripada sebuah universiti pada tahun 1969 kepada enam buah universiti pada tahun 1983 telah

meramaikan bilangan graduan dan menyukarkan mereka mendapat pekerjaan berbanding tempoh sebelumnya. Malah, perkembangan institusi pendidikan tinggi melalui peningkatan jumlah pengambilan pelajar ke IPTA dan penubuhan IPTS yang berleluasa di samping pemendekan tempoh pembelajaran serta kursus telah menyempitkan peluang pekerjaan di pasaran (Mohd Haflah, 2003).

Walau bagaimanapun, Chew (1985) berpendapat pengangguran siswazah yang berlaku, khususnya di Negara-negara Sedang Membangun tidak sepatutnya dikaitkan dengan perkembangan pendidikan tinggi semata-mata. Ini kerana beliau mendapati ketidakcekapan dalam perancangan dasar ekonomi dan keperluan tenaga buruh seja jar dengan pertumbuhan penduduk yang pesat telah meningkatkan jumlah penganggur. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kekurangan maklumat dan data yang lengkap tentang perkembangan institusi pendidikan tinggi negara dan hubungannya dengan pasaran kerja.

Permintaan yang meningkat terhadap institusi pendidikan tinggi telah menyebabkan graduan berada dalam keadaan *underemployed* atau *mismatch*. Dalam erti kata lain, mereka terpaksa melakukan pekerjaan yang hanya memerlukan kelayakan minimum dan tidak memerlukan kelayakan yang sepatutnya. Melalui hasil kajian Battu et al. (1999) di United Kingdom, beliau melihat *overeducation*⁷ yang berlaku telah menyebabkan sebilangan besar graduan dalam tahun 1980 dan 1985 melakukan pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan ijazah.

⁷ Overeducation di sini mempunyai pelbagai definisi yakni menggambarkan kejatuhan upah relatif, kadar pengangguran yang tinggi ataupun peningkatan bilangan pekerjaan dalam bidang pengkeranan. Secara tidak langsung, ia menggambarkan pengurangan dalam status sosial dan nilai ekonomi terhadap pendidikan tinggi.

Jomo (1990), Siti Hajar et al. (1989), Isahak et al. (1978) dan Halimah (1991) berpendapat *mismatch* antara hasil institusi pendidikan tinggi dengan keperluan pasaran dan ekonomi telah menyebabkan berlakunya lebihan dan kekurangan mahasiswa dalam bidang tertentu. Rahmah (2000) mengaitkan pengangguran siswazah yang berlaku di Malaysia pada tahun 1980-an dengan lebihan penawaran dalam bidang tertentu dan *mismatch* dalam penawaran buruh. *Mismatch* dalam penawaran buruh menyebabkan graduan yang berkelayakan tidak dapat memegang sebarang jawatan kerana tiada pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Manakala, lebihan penawaran graduan dalam bidang tertentu menyebabkan mereka terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Beliau mengaitkan *mismatch* yang berlaku dengan pembekuan peluang pekerjaan di sektor awam, kelembapan penjanaan pekerjaan di sektor swasta, ketidakcukupan maklumat pasaran buruh dan mobiliti buruh yang rendah.

Halimah (1991) pula mengkategorikan *mismatch* kepada tiga jenis, iaitu (1) berlaku apabila sesuatu keperluan tidak dapat dipenuhi. Sebagai contoh, jenis kemahiran yang diperlukan majikan tidak ditawarkan oleh buruh, (2) penawaran buruh yang tidak mencukupi dan (3) kualiti buruh yang tidak seimbang dengan kehendak majikan.

Manakala, Mohd Haflah (2003) mengaitkan *mismatch* dengan konsep lebihan dan defisit tenaga kerja yang kerap digunakan dalam perancangan pembangunan tenaga manusia. Menurut beliau *mismatch* berlaku dalam beberapa situasi. Antaranya defisit tenaga kerja dalam sesuatu kategori pekerjaan dan sektor wujud serentak dalam keadaan lebihan buruh secara agregat. Selain itu, ia juga terjadi apabila kekosongan sesuatu kategori pekerjaan diisi oleh pekerja yang kurang layak atau lebih layak. Tumpuan yang berlebihan terhadap target kuantiti tenaga buruh berbanding kualiti turut menyumbang kepada masalah *mismatch* ini.

Sektor awam memainkan peranan penting dalam meningkatkan jumlah penganggur siswazah apabila ia yang dianggap sebagai ‘majikan’ utama di Negara Sedang Membangun gagal menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan ini. Di Malaysia, sektor awam memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan, terutamanya antara tahun 1980 sehingga 1983 di mana 1/3 daripada keseluruhan graduan di pasaran telah diambil bekerja di sektor ini. Kepentingan peranan sektor awam ini bukan sahaja terhad di Malaysia, tetapi di kebanyakan negara di dunia. Sebagai contoh, Amrani (1998) dalam artikelnya melihat beribu-ribu graduan universiti dan kolej di Morocco tidak mempunyai pekerjaan setelah menamatkan pengajian mereka akibat kurangnya peluang pekerjaan di sektor awam. Di samping itu, di Nigeria, pelajar-pelajar lulusan kolej pertaniannya merungut dan menyalahkan kerajaan kerana tidak menyerapkan mereka bekerja di sektor awam meskipun ia telah membelanjakan wang yang banyak untuk melatih mereka⁸.

Jasbir (1985) dan Isahak et al. (1978) menegaskan bahawa graduan tidak seharusnya menunggu untuk bekerja di sektor kerajaan semata-mata, tetapi mesti berani mengambil risiko untuk menyertai sektor swasta. Mereka mesti bersiap sedia menghadapi cabaran kerana sektor swasta dikatakan lebih selektif dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap graduan. Kebanyakan majikan di sektor swasta lebih mengutamakan graduan dalam lulusan profesional dan teknikal kerana dikatakan mampu melaksanakan tugas dengan lebih efektif.

Kemelesetan ekonomi yang berlaku di Malaysia pada pertengahan 1980an telah menggagalkan peranan dan fungsi sektor awam sebagai ‘majikan’ utama di negara ini.

⁸ Africa News Service, 30 Julai 2000.

Jumlah perbelanjaan sektor awam yang terbatas telah mengehadkan perkembangan guna tenaganya apabila pengambilan pekerja baru telah dikurangkan dan pembekuan pekerja telah dilakukan pada tahun 1983 (Siti Hajar & Zaini, 1989).

Morio dan Zoctizoum (1980) juga mengaitkan pengangguran siswazah yang berlaku dengan keadaan ekonomi. Morio berpendapat kemelesetan ekonomi yang dialami menyebabkan negara tidak dapat menyediakan graduan kepada pekerjaan yang memenuhi kelayakan mereka. Manakala, Zoctizoum pula mengatakan pengangguran yang berlaku di hampir semua negara yang mengamalkan 'ekonomi-pasaran' (sama ada membangun atau kurang membangun) dipengaruhi oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi dan antara punca yang mempercepatkannya ialah berlakunya krisis kewangan.

Dr. G. Usvatte-aratchi⁹ juga menekankan bahawa tingkat perkembangan ekonomi sesebuah negara mempengaruhi kadar pengangguran. Menurut beliau, tempoh pengangguran yang panjang bagi golongan ini tidak berlaku di negara Maju kerana tingkat aktiviti ekonominya yang berkembang akan menyerap lebihan tenaga kerja yang wujud di pasaran dengan pantas. Menurut beliau lagi, pengangguran tetap berlaku walaupun graduan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran seperti bahasa Inggeris, Teknologi Maklumat atau pengurusan kerana ia dipengaruhi oleh tingkat ekonomi negara.

Binks (1996) pula melihat kesukaran graduan mendapat pekerjaan mempunyai hubungan dengan faktor kurangnya pengalaman dalam bidang pekerjaan yang diceburi dan kegagalan kurikulum menyediakan pelajar yang berkualiti sejajar dengan keperluan

⁹ <http://www.ilo.org/public/english/region/ampro/cinterfor/temas/worker/youth/doc/imp3.htm>, 3 Jun 2003.

pasaran pekerjaan (mengaitkannya dengan kekurangan enterprise dalam sistem pendidikan tinggi). Penekanan kepada aspek teori berbanding teknikal dan praktikal dalam pendidikan universiti menyebabkan pelajar sukar menyesuaikan diri dengan bidang pekerjaan (Rahmah, 2000). Di samping itu, pihak universiti juga dilihat gagal menyediakan graduan yang mampu mengalami proses pembelajaran sepanjang hayat yang dapat disesuaikan dengan persekitaran pekerjaan (Halimah, 1991; Chisolm, 1992).

Schaufeli (1997) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa sikap positif graduan penting dalam memastikan mereka tidak menganggur terlalu lama. Dengan menggunakan 635 sampel data daripada graduan kolej di Belanda, beliau menganggarkan keupayaan graduan mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian bergantung kepada sikap positif dan tindakan aktif mereka dalam usaha mencari pekerjaan. Hasil daripada dua analisa regresi yang dilakukan menggunakan 15 pembolehubah¹⁰ menunjukkan graduan yang mempunyai kelulusan Kejuruteraan dan Pentadbiran mudah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Graduan yang bekerja tanpa bayaran/upah dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian pula berkemungkinan akan mendapat pekerjaan sebenar dalam tempoh enam bulan seterusnya.

Menurut beliau lagi, graduan yang berkebolehan menyelesaikan masalah dianggarkan akan mendapat pekerjaan dalam kedua-dua tempoh masa tersebut (enam bulan pertama dan enam bulan kedua selepas tamat tempoh pengajian). Pelajar yang berfikiran positif dan meramalkan kejayaan mereka dalam pasaran buruh dianggarkan akan lebih cepat mendapat pekerjaan, iaitu dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

¹⁰ Penerangan secara terperinci boleh dilihat dalam Schaufeli, W. B. (1997).

Dapat disimpulkan di sini bahawa kebanyakkan graduan yang menganggur adalah terdiri daripada golongan wanita, mereka yang berumur di bawah 25 tahun serta mempunyai kelulusan dalam bidang Sains Sosial. Manakala, peningkatan permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi, *mismatch* antara permintaan dan penawaran buruh, peranan sektor awam, keadaan ekonomi negara dan sikap graduan merupakan antara faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada bilangan penganggur siswazah yang ramai.

2.3 Perkembangan Pasaran Buruh Malaysia Dalam Tahun 90-an

Pertumbuhan ekonomi hasil ransangan sektor perindustrian dan peralihan strategi sektor tersebut kepada industri berdasarkan teknologi terkini sedikit sebanyak telah mempengaruhi keperluan guna tenaga dan pasaran buruh negara. Aliran masuk modal asing yang tinggi akibat proses industrialisasi yang pesat telah menimbulkan ketegangan terhadap pasaran buruh, terutama semasa negara mencapai tingkat guna tenaga penuh bermula pada tahun 1993 (*The Third Outline Perspective Plan*). Ketegangan timbul apabila tenaga buruh sedia ada tidak cukup untuk menampung keperluan guna tenaga negara, terutama dalam sektor pembuatan. Kekurangan buruh dalam pasaran juga ditunjukkan melalui penurunan bilangan mereka yang aktif mencari pekerjaan dengan mendaftar di JTM. Jumlah pencari kerja aktif telah berkurang daripada 54,387 orang pada tahun 1990 kepada 25,546 orang pada tahun 1995¹¹.

Kekurangan buruh di pasaran ini secara langsung telah mewujudkan tekanan ke atas kadar upah serta meningkatkan kos buruh sehingga melebihi peningkatan dalam tingkat produktiviti. Bagi mengatasinya, kerajaan telah melaksanakan program jangka pendek (dalam tempoh lima tahun) dengan membawa masuk ramai buruh asing profesional,

¹¹ http://www.lib.unb.ca/Texts/JCIM/vol4_2/ghani.pdf, 10 Mei 2003.

mahir dan separuh mahir, khususnya daripada Indonesia, Bangladesh dan Filipina bagi memenuhi permintaan yang tinggi dari sektor pembuatan dan pembinaan. Pergantungan terhadap pekerja asing yang tinggi dalam sektor pembuatan dapat dilihat melalui nisbah 1:10 pekerja asing kepada tenaga buruh pada tahun 1995, 1:8 pada tahun 1997 dan bertambah baik pada tahun 2000, iaitu 1:13 (Rancangan Malaysia Kelapan).

Malaysia telah dilabelkan sebagai pengimpor pekerja asing terbesar sejak kerajaan secara rasminya membenarkan kemasukan buruh dari luar pada Julai 1982. Dilaporkan seramai 1.2 juta pekerja asing (dengan izin dan tanpa izin) telah berada dalam pasaran negara pada tahun 1996 dan jumlah ini terus meningkat kepada 1.7 juta orang pada penghujung tahun 1997 (Norlaila, 1998).

Kelembapan ekonomi yang dihadapi negara akibat krisis kewangan 1997 telah menyebabkan negara mengkaji semula dasarnya yang terlalu bergantung kepada buruh asing. Pada 20 Ogos 1997, kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambilan pekerja asing dalam semua sektor kecuali dalam bidang kerja yang memerlukan guna tenaga berkemahiran tinggi yang dapat memberi faedah kepada negara secara keseluruhan¹².

Aliran keluar modal akibat kurangnya keyakinan pelabur terhadap prestasi ekonomi selepas krisis dan penutupan operasi beberapa syarikat asing telah mengurangkan jumlah peluang pekerjaan di negara ini. Struktur pasaran buruh yang ketat pada tahun 1996-1997 menjadi agak longgar (peluang pekerjaan semakin berkurangan berbanding jumlah pencari kerja) dalam keadaan ekonomi yang lembab selepas krisis meskipun

¹² <http://members.tripod.com/~azman97/essay5.html>, 5 Ogos 2003.

negara masih mengalami defisit buruh dalam sektor pertanian, pembinaan dan pembuatan.

Kemerosotan dalam peluang pekerjaan juga dapat dilihat melalui kurangnya bilangan pendaftar baru dengan KWSP di mana sepanjang Januri-September 1997 hingga Januari-September 1998 jumlah pekerja baru berdaftar dengan KWSP telah berkurang sebanyak 17.5 peratus (Jomo, 2001). Kekurangan peluang pekerjaan secara mendadak di pasaran secara langsung telah meningkatkan kadar pengangguran kepada 3.2 peratus dan menyusutkan pertumbuhan guna tenaga kepada 8.6 juta orang pada tahun 1998 (lihat jadual 2.1).

Penyusutan guna tenaga juga dikaitkan dengan pemberhentian pekerja yang ramai bukan sahaja di sektor pembuatan malah di sektor-sektor lain seperti perdagangan borong dan runcit; restoran dan hotel; perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah; pertanian dan pengangkutan. Seramai 83,865 orang telah diberhentikan daripada perkhidmatan pada tahun 1998 di mana Pulau Pinang (digelar "lembah silikon Malaysia") dan Selangor mencatatkan jumlah dan peratus pemberhentian pekerja paling tinggi¹³.

Secara purata, kadar penyertaan tenaga buruh sepanjang tempoh 1998 hingga 2002 adalah sekitar 65 peratus (rujuk jadual 2.1). Pertambahan penduduk dalam kumpulan umur bekerja telah meningkatkan penglibatan tenaga buruh di pasaran daripada 9.0 juta pada tahun 1997 kepada 10.2 juta orang pada tahun 2002. Peratus penglibatan tenaga buruh lelaki adalah hampir dua kali ganda melebihi buruh wanita meskipun kadar penyertaan mereka telah berkurang sebanyak tiga peratus. Pemberhentian ramai

¹³ <http://www.jaring.my/ksm>, 8 Mei 2003.

pekerja wanita di sektor pembuatan, terutamanya dalam industri elektrik, elektronik, tekstil dan pakaian telah memberi impak langsung terhadap penyusutan kadar penyertaan buruh wanita pada tahun 1998 dan 1999.

Kemelesetan ekonomi yang dialami negara kesan daripada krisis kewangan 1997 serta kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun pada tahun 2001, secara langsung telah meramaikan bilangan pencari kerja dalam pasaran dan tidak terkecuali di antara mereka ini ialah golongan siswazah yang terdiri daripada pemegang diploma dan ijazah. Data dari JTM menunjukkan sepanjang tahun 1998-2002, golongan lepasan institusi pendidikan tinggi ini telah menyumbangkan 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pencari kerja aktif di pasaran (rujuk jadual 3.2).

JADUAL 2.1
**Tenaga Buruh, Guna Tenaga dan Pengangguran di Malaysia,
 1997-2002.**

Unit		1997	1998	1999	2000	2001	2002
Tenaga buruh	000	9,039	8,849	9,178	9,573	9,877	10,185
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh:							
Lelaki	%	88.6	84.5	84.4	85.4	85.1	85.6
Perempuan	%	45.8	44.0	43.8	44.5	44.3	45.4
Jumlah	%	67.7	4.7	4.6	5.5	5.3	5.5
Guna Tenaga							
Pertanian	% drp jum	16.6	18.8	18.4	17.5	17.0	16.4
Perlombongan	% drp jum	0.5	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4
Perkilangan	% drp jum	26.5	23.2	24.5	25.1	24.1	24.5
Pembinaan	% drp jum	9.9	8.7	8.2	8.2	8.5	8.5
Perkhidmatan	% drp jum	46.4	49.0	48.6	48.9	49.9	50.2
Jumlah		8,819	8,564	8,862	9,271	9,512	9,814
Pengangguran	% drp t.b	2.4	3.2	3.4	3.1	3.7	3.6

Nota: Bagi tahun 2002, angka yang dinyatakan merupakan satu anggaran.

t.b – tenaga buruh

jumlah – jumlah

Sumber: <http://www.epu.jpm.my/Bi/Stat/MEIF>, 20 Mei 2003.

2.4 Pengangguran Siswazah Di Malaysia

Secara umum, pengangguran yang dianggap sebagai tenaga kerja yang tidak dieksloitasi secara produktif berlaku apabila terlalu ramai buruh bersedia menawarkan perkhidmatan sedangkan permintaan daripada pihak majikan semakin berkurangan dan terhad. Keadaan ini akhirnya mewujudkan ketidakseimbangan dalam pasaran.

Masalah pengangguran, khususnya di kalangan graduan merupakan isu sejagat yang tidak dipandang ringan oleh pihak penggubal dasar dan ahli ekonomi. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji menganggap masalah ini sebagai satu fenomena yang tidak berterusan dan diyakini akan dapat diatasi dalam jangka masa yang singkat. Sifatnya yang sementara dan kerap berulang dihubungkaitkan dengan ketidak sempurnaan pasaran buruh seperti ketidak cekapan maklumat tentang peluang pekerjaan, faktor mobiliti buruh yang terhad serta *time-lag* dalam proses mencari dan menukar kerja.

Di Malaysia, perbincangan tentang ketidakupayaan graduan mendapat pekerjaan setelah menamatkan pengajian mula diperkatakan sejak akhir tahun 1974 apabila kerajaan bertindak mengumumkan pembekuan pekerjaan di sektor awam akibat tekanan inflasi yang berlaku ketika itu. Keadaan ini secara langsung telah memberi kesan hebat kepada para graduan, khususnya yang dikeluarkan pada awal tahun 1975 dan 1976 (Ariffin, 1982:181).

Masalah lebihan penawaran tenaga buruh berpendidikan tinggi ini kemudiannya terus mendapat perhatian serius pada tahun-tahun terakhir 80-an akibat kemelesetan ekonomi yang dialami negara pada 1985-1986 akibat kemelesetan

ekonomi dunia. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) melaporkan terdapat 36,000 siswazah menganggur di seluruh negara pada tahun 1987 dan jumlah ini terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya (Zarinah, 1993). Keadaan menjadi bertambah buruk apabila kerajaan yang dianggap 'penyedia' pekerjaan utama kepada golongan ini telah bertindak mengurangkan guna tenaga serta perbelanjaannya. Kegentingan yang berlaku ini akhirnya memaksa kerajaan bertindak menubuhkan satu jawatankuasa kabinet khas pada tahun 1986 bagi memperbaiki keadaan yang berlaku.

Isu lambakan siswazah ini kemudiannya diberi perhatian semula selepas negara mengalami kemelesetan ekonomi akibat daripada krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada penghujung tahun 1997. Jumlah penganggur terus meningkat dari masa ke semasa. Data yang dikeluarkan oleh JTM telah menggariskan aliran peningkatan dalam jumlah penganggur golongan ini dari tahun 1998-2002 apabila siswazah yang aktif mencari pekerjaan meningkat daripada 48,783 orang kepada 70,187 orang.

Daripada senario pengangguran siswazah di Malaysia ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan fenomena yang sering berulang. Jumlah penganggur yang semakin ramai ini bukan sahaja mencerminkan pembaziran dan ketidakcekapan dalam agihan sumber negara daripada segi guna tenaga, *brain-power* dan kewangan, malah turut mencerminkan kegagalan pasaran menyerap mereka ke sektor pekerjaan.